



**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM**  
86200 SIMPANG RENGAM, JOHOR DARUL TA'ZIM

**NOTIS PENGOPERASIAN PREMIS PERNIAGAAN**

Merujuk kepada arahan dan Perintah Kawalan Pergerakan selaras dengan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia bagi membendung penularan wabak Covid-19 bermula pada **18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020** di seluruh Negara. Perintah Kawalan ini dibuat di bawah **Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988** dan **Akta Polis 1967**.

Maka dengan ini, semua premis perniagaan adalah **DIARAHKAN TUTUP** sepanjang tempoh berkenaan **KECUALI** aktiviti perniagaan yang dibenarkan beroperasi sebagaimana berikut :

<b>BIL</b>	<b>JENIS PREMIS PERNIAGAAN</b>	<b>WAKTU OPERASI DIBENARKAN</b>
1.	Kedai Makan / Restoran termasuk perkhidmatan penghantaran ( <i>delivery</i> ) dan pandu lalu ( <i>drive thru</i> )	7.00 pagi hingga 7.00 petang
2.	Kedai Serbaneka Stesyen Minyak	6.00 pagi hingga 8.00 malam
3.	Pasaraya, Kedai Runcit serta Kedai Serbaneka 24 jam Termasuk Seven Eleven	7.00 pagi hingga 7.00 petang
4.	Pasar Awam	7.00 pagi hingga 12.00 tengahari
5.	Klinik Swasta dan Farmasi	7.00 pagi hingga 9.00 malam
6.	Perkhidmatan Mesin ATM dan CDM	7.00 pagi hingga 9.00 malam
7.	Gerai Penjaja, Bahu Jalan, <i>Food Truck</i>	7.00 pagi hingga 7.00 petang
8.	Pasar Malam/ Pasar Pagi / Pasar Tani	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
9.	Bengkel Membaiki Kenderaan, Pusat Servis dan Kedai Tayar	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>

Sehubungan dengan itu, pihak tuan dikehendaki mematuhi arahan ini bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dikenakan ke atas tuan. Arahan ini berkuatkuasa mulai 22 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020. Semua peniaga dikehendaki mematuhi arahan ini selaras dengan peruntukan kuasa kepada **Majlis Daerah Simpang Renggam** di bawah Seksyen **72(1)(f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171**.

Kerjasama dan tindakan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan perintah,

**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM**